

Hakisan tanah ancam penduduk

KUALA KANGSAR – Masalah tanah rebak dan hakisan semakin menghampiri kawasan tempat tinggal menyebabkan penduduk di Kampung Enggor, Karai, dekat sini, mendesak pihak berkenaan mengambil perhatian dan tindakan segera.

Penduduk, Rosli Ahmad, 50, memaklumkan, keadaan yang telah dihadapi penduduk sejak berbelas tahun itu semakin serius dan tidak boleh dibiarkan lagi.

Menurutnya, laporan berhubung masalah itu telah dibuat kepada pihak berwajib, namun tiada maklum balas diterima hingga kini.

“Kami bimbang jika keadaan ini terus dibiarkan, lambat laun ia akan mengancam keselamatan penduduk.

“Tanah kebun saya telah terhakis dan tidak mustahil selepas ini kawasan rumah saya akan turut menerima nasib sama. Takut bila difikirkan kesannya nanti,” katanya.

Kamariah Abdul Ghani, 50, tidak menyangka masalah berkenaan dihadapi lebih 30 rumah di sepanjang kawasan sungai dan masih tidak diselesaikan walaupun telah dilawat menteri serta pegawai dari agensi berkenaan.

Beliau turut memaklumkan pernah mempunyai pengalaman menakutkan ketika kejadian tanah runtuh dalam kuantiti tinggi yang menyebabkan rumahnya mengalami



Hanya akar yang menyokong tanah yang hampir rebak di sungai berkenaan.

gegaran selain terdapat bunyi kuat.

“Sejak hampir sebulan hujan tidak melanda kawasan ini, keadaan terkawal. Namun rumah ibu bapa saya tidak lagi dapat diduduki kerana berlaku hakisan di bawah kawasan rumah menyebabkan keadaan tapak rumah tergantung serta menunggu masa untuk runtuh.

Sejak itu, mereka tinggal dengan saya dan saya sangat berharap perkara ini diambil serius oleh pihak berkenaan kerana ia melibatkan keselamatan nyawa penduduk,” tegasnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lintang, Datuk Ahamad Fakeh Adam ketika dihubungi menjelaskan, masalah berkenaan telah dibawa ke pengetahuan Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Tanah, polis, Jabatan Tanah dan Galian serta beberapa agensi lain.

Katanya, lawatan daripada jabatan berkaitan juga telah dilaksanakan untuk melihat sendiri keadaan tanah yang rebak di sepanjang sungai seperti dimaklumkan oleh penduduk.